

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 JULY 2017

# Tun M bakal bawa kehancuran kepada Pakatan Harapan

um - 15/7/2017 pg. 9

**ALOR SETAR 14 Julai** - Pemuda UMNO Kedah percaya Pakatan Harapan yang diketuai DAP akan hancur kerana kecelaruan yang dibawa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan ahli keluarganya.

Ketuanya, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin berkata, tindakan terdesak Pengerusi Parti Bersatu Pribumi Malaysia (PPBM) itu yang sanggup membuat pusingan U iaitu menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri, akan membawa padah kepada struktur baharu yang dibentuk pakatan itu.

Menurut Shaiful Hazizy, pihaknya yakin kegagalan Pakatan Harapan untuk menamakan calon Perdana Menteri yang realistik membuktikan masih wujud prasangka dan ketidakpercayaan antara parti-parti yang membentuk pa-



**SHAIFUL HAZIZY**

katan itu.

“Umum sedia maklum bahawa kemungkinan Anwar menjadi Perdana Menteri adalah begitu kecil kerana faktor tempoh hukuman dan usia. Kita yakin kewujudan ‘Perdana Menteri Transit’ menunjukkan belum wujud konsensus yang serius antara komponen Pakatan Harapan.

“Hakikatnya Pakatan Harapan seharusnya menunjukkan imej yang stabil dan persefahaman terutama bayangan kerajaan alternatif yang baik kepada rakyat. Mereka juga perlu memberi keyakinan kerajaan alternatif tidak akan goyah serta mampu menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pakatan Harapan semalam mengemukakan struktur kepemimpinan ba-

haru iaitu Anwar sebagai Ketua Umum manakala Dr. Mahathir selaku Pengerusi.

Kata Shaiful Hazizy, pihaknya melihat pembentukan struktur baharu itu sebagai keputusan politik yang paling rapuh dibuat Pakatan Harapan.

“Pada masa sama, kita yakin DAP akan kekal menjadi ‘broker kuasa’ paling berpengaruh dalam pakatan itu dan persetujuan untuk tetap meletakkan Anwar sebagai ketua manakala Dr. Mahathir menjadi pengerusi hanya untuk membeli keyakinan politik Melayu bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

“Jika mereka berpeluang membentuk kerajaan, maka DAP akan menjadi pembuat keputusan paling berpengaruh. Kita juga meragui komitmen pakatan itu untuk membebaskan semua tahanan politik yang mana mereka tahu bahawa Dr. Mahathir sendiri pernah memenjarakan ratusan musuh politiknya semasa menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun,” ujarnya.